



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/78 (HQ)

### BEKALAN ELEKTRIK HAMPIR PULIH SEPENUHNYA

- 8 daripada 4,852 pencawang elektrik (PE) masih dihentitugas
- melibatkan 869 pengguna domestik, komersial (48) dan industri (4)

Setakat jam 3.00 petang ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya memulihkan hampir sepenuhnya bekalan elektrik di Pulau Pinang dengan memulihkan 105 daripada 113 pencawang elektrik (PE) yang dihentitugas sejak negeri tersebut dilanda banjir.

“Daripada jumlah tersebut, 78 PE berjaya dipulihkan melalui grid, sementara 27 PE lagi menggunakan set janakuasa bergerak (genset),” kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Menurut beliau dengan perkembangan itu, tinggal lapan PE sahaja yang masih dihentitugas iaitu di Seberang Perai.

“Dalam pada itu, kerja-kerja memulihkan bekalan masih giat diteruskan, bagi mengembalikan bekalan elektrik secepat mungkin,” kata Wan Nazmy.

Pengguna di Pulau Pinang dinasihatkan untuk merujuk kepada Facebook TNB Careline atau menghubungi talian TNB Careline 15454 bagi mendapatkan maklumat terkini bekalan elektrik.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 3:00 petang, 8 November 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*